

AL-QURAN AL-KARIM PUSAT KEBUDAYAAN DUNIA

“Kami utusan Engkau-Wahai Muhammad-Menjadi Rahmat Bagi Seluruh Alam”

Nabi Muhammad ﷺ membawa rahmat bagi sekalian manusia. Apa dia rahmat itu? ialah al-Quran, kitab suci umat Islam. Kitab suci yang menjadi panduan hidup dan mengandungi dua tujuan: Pertama-perhubungan manusia dengan Tuhan. Kedua-hak dan kewajipan manusia dalam masyarakat, untuk mencipta keadilan masyarakat yang sempurna.

(oleh Sharīf ‘Uthmān)

(Pati Rencananya dalam “*Suara Masyumi*”)

Isi kita suci al-Quran adalah berbeza daripada berbagai-bagai kitab suci yang lain. Kitab-kitab suci yang lain hanya mengandungi ajaran yang mengatur perhubungan manusia dengan Tuhan, tetapi tak ada ajaran yang mengatur hak dan kewajipan manusia dalam masyarakat.

Kedua-dua tujuan yang tersebut ada di dalam Islam. Oleh sebab itu jika dipakai tafsiran kata “agama” menurut yang biasa digunakan kepada agama-agama yang lain, maka Islam itu tak dapat dikatakan suatu agama.

“Deussen” (*Deussen*) seorang ahli sejarah dan falsafah Jerman yang besar, berkata : “bahawa Islam itu bukanlah agama, kerana terlalu banyak mementingkan dunia.” Ia berkata lagi : “bahawa Islam – tak dapat dinamakan agama kerana ia mengakui kitabnya hidup di dunia – dan mengatakan rasa kesedaran (*instinct*) serta keinginan manusia dalam hidupnya, sedang agama haruslah menjauhi hal-hal ini.”

Oleh sebab itu dengan lahirnya Islam, jadilah suatu tafsir baharu bagi agama, yang berlainan daripada apa yang biasa dipakai dalam sejarah dunia, sebelum Islam.

Islam Ciptaan Sendiri

Setengah daripada orang-orang yang terpelajar, barang di mana-mana sahaja, yang belum mempelajari isi al-Quran, mencuba memberikan pengertian tentang Islam menurut agama-agama lain yang terdahulu daripada Islam. Agama Kristian misalnya, menceraikan gereja daripada negara dan kerana itu mereka menghendaki supaya Islam menceraikan masjid daripada negara.

Buddha dan Hindu pun mementingkan perkara-perkara batin dan kerana itu Islam dikehendaki mereka mengurus perkara batin atau ruhani sahaja, jangan sangkut paut dengan urusan dunia, urusan negara umpamanya, dan lain-lain.

Faham yang serupa ini bukanlah isi al-Quran. Islam yang serupa ini bukanlah Islam menurut al-Quran, tetapi Islam menurut Kristian dan Buddha yang sesuai dengan Bible dan Wedha (*Wedha*). Orang-orang Islam yang menganut faham serupa ini, baiklah segera taubat.

Pusat Peradaban Dunia

Doktor Salomon (Dr Henriette Y.W. Salomon) dalam bukunya “*Arabia*” menerangkan tentang pusat kebudayaan dunia, maksudnya: dalam zaman kerajaan Rom dan Greek Tua, kebudayaan dan pengetahuan seluruh dunia berpusat dari

sana. Perpaduan ini pindah ke Eropah Barat, lalu dipupuk dan dibaharui hingga ia merupakan kebudayaan yang dibanggakan. Sesudah lahirnya Nabi Muhammad (SAW). Maka pusat dari peradaban, pengetahuan dan kebudayaan dunia telah berpindah ke negara Arab dan berkekalan beratus-ratus tahun lamanya, lebih jauh ia menerangkan, bahawa peradaban dunia itu berpusat di negeri Arab semenjak kurun yang kedelapan hingga kurun yang keempat belas.

Daripada keterangan Doktor Salomon ini, dapat kita mengambil kesimpulan, bahawa semenjak zaman kerajaan Rom dan Greek Tua sampai sekarang, peradaban dunia itu memancar dari dua pusat iaitu kerajaan Rom-Greek Tua dan negara Arab. Pusat-pusat ini telah memancarkan peradaban yang mempunyai bentuk dan dasar-dasar sendiri yang sekarang menjalar ke seluruh muka bumi. Peradaban-peradaban itu terus menerus dipupuk dan dibaharui oleh bangsa-bangsa yang menerimanya, menurut kesanggupan dan keadaan-serta pembawaan mereka, sehingga terjadilah penumbuhan peradaban – yang berbeza-beza pada berbagai-bagai bangsa.

Peradapan atau “jalan-jalan hidup” yang kemudian, adalah cangkukan-cangkukan daripada salah satu dari peradapan-peradapan yang kita terangkan itu.

Perbezaan

Marilah kita perhatikan pokok perbezaan dari kedua peradapan itu. Mengenai peradapan Rom-Greek Tua, Dr. H. Van Gelder dalam bukunya “*Algemence Geschidenis*” jilid ketiga, muka 1, menerangkan maksudnya:

Kerajaan Rom telah menciptakan perdamaian dan menyebarkan peradapan yang tinggi, yang mempunyai segi-segi yang banyak. Ia telah memajukan keadilan, kemakmuran, keamanan dan lalu lintas. Pengetahuan dan kesenian telah

menjadi milik orang banyak. Dibanding-banding yang membatas antara kaum dengan kaum, atau antara bangsa dengan bangsa, beransur-ansur dilenyapkan, persaudaraan umum telah menjalar, tetapi, adakah orang-orang yang menunjangi kerajaan yang penuh dengan suka ria itu merasa bahagia? Ada suatu kekurangan dalam kegembiraan itu, dan tak ada Qaisar yang sanggup menambah kekurangan itu. Hal itu ialah agama dan dasar-dasar moral yang sempurna. Kemanusiaan menderita satu penyakit yang berat iaitu tak ada pegangan jiwa yang menjadi tujuan hidup.”

Lebih lanjut Doktor Van Gelder berkata lagi, maksudnya: Agama Kristianlah yang mengubati penyakit itu. Ia membuat dunia seolah-olah menjadi muda semula, dan memisahkan zaman tua dan zaman baharu dalam sejarah.

Itulah bentuk peradapan yang dipancarkan oleh kerajaan Rom-Greek Tua kebahagiaan-kebahagiaan dunia, terutama ke Barat. Peradapan itu telah maju dalam segala lapangan kemakmuran, keadilan, pengetahuan, kesenian dan lain-lain. Perdamaian dan keamanan pun telah dapat pula diciptakan, yang menjadi syarat bagi perkembangannya sesuatu peradapan.

Peradapan itu hanya mengenai segi kehidupan jasmani dan fikiran manusia sahaja. Perimbangan moral dan ruhani yang baik, tidak ada. Sebab itu, peradapan yang telah maju dan tinggi itu, terasa kosong. Manusia yang mendokongnya merasa kekurangan sesuatu yang sangat penting dalam hidupnya iaitu pegangan dan pedoman jiwa. Peradapan Rom dirasakan oleh pada saat itu peradapan yang kosong.

Agama Kristian dapat mengubat penyakit dan mengisi kekosongan dan peradapan itu. Ia membawa pimpinan ruhani dan moral. Oleh sebab itu ia dapat sejalan dengan peradapan Rom-Greek Tua, kerana peradapan itu semata-mata memajukan peradapan kebendaan (keduniaan), (sambungan pada muka 23)